

# JELAJAH ILMU UniMAP

KAZAKHSTAN DAN AZERBAIJAN

**BAKU, AZERBAIJAN, 30 November** - Program Jelajah Ilmu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selama 12 hari di Kazakhstan dan Azerbaijan membuka ruang kerjasama antara universiti itu dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara berkenaan.

Program membabitkan 30 anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2016/2017 dan pegawai kanan UniMAP itu antara lain turut melakukan kunjungan ilmu ke institusi pengajian tinggi, masjid dan muzium. Delegasi UniMAP diketuai Canselornya DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Syed Sirajuddin Jamalullail.

Turut serta dalam Program Jelajah Ilmu UniMAP, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan. Bersempena program itu juga, sebanyak enam surat hasrat (LOI) dan memorandum persefahaman telah diadakan melibatkan Kementerian Pelajaran dan universiti di kedua-dua buah negara tersebut. Program Jelajah Ilmu UniMAP mula diperkenalkan pada 2005 dan antara negara yang menjalin kerjasama hasil program itu termasuk Indonesia, Vietnam, China, Hong Kong, Uzbekistan, Australia, New Zealand dan Turki.



Sepanjang program itu, para pelajar diberi peluang berinteraksi dengan kepimpinan pelajar di universiti yang dilawati selain melihat dan menilai sistem pendidikan di luar negara.

Antara universiti yang dilawati adalah Nazarbayev University, Kazakhstan, Alfarabi National Kazakh University, Khazar University, Azerbaijan, Baku Higher Oil School, Azerbaijan dan Odlar Yurdu University. Program Jelajah Ilmu bukan sekadar membuka mata pelajar terhadap dunia luar tetapi membina semangat baharu untuk mereka memperkasa generasi berminda kelas pertama dalam segenap bidang yang bakal diceburi selepas menamatkan pengajian.